

Mustafa pertahanan Islam Turki

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai persepsi berbeza terhadap Bapa Turki Moden, Mustafa Kamal Ataturk, yang digambarkannya sebagai penyelamat umat Islam di Turki.

Jika banyak pihak dalam Islam menilai Mustafa Kamal sebagai musuh Islam, tetapi bekas Perdana Menteri itu, menyifatkan pemimpin Turki itu, sebagai paradok yang menyelamatkan Islam di Turki dan menyelamatkan Turki untuk Islam.

"Ramai orang Islam mengutuk Mustafa



DR. MAHATHIR

Kamal, kerana dia bukan seorang Islam yang baik," katanya semasa menyampaikan ucapan pada Seminar Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2005, di sini hari ini.

Menurutnya, jika bukan kerana Mustafa Kamal, tidak akan wujud orang Islam di

Turki, kerana Turki sudah pasti telah menjadi sebahagian daripada Greece.

Beliau menyampaikan ucapan bertajuk "Ke Arah Pembangunan dan Kemajuan Ummah berdasarkan Tafsiran Al-Quran yang betul: Peluang dan Cabaran."

Seminar dua hari anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) itu, bertemakan Al-Quran dan Cabaran Semasa di Era Globalisasi.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menggesa umat Islam, supaya kembali kepada ajaran al-Quran, dengan membaca dan memahami kandungannya.

Hanya dengan menghayati asas ajaran kitab suci itu, umat Islam akan Selamat di dunia dan akhirat, dan mampu melindungi keselamatan umat Islam, katanya.

Menurut beliau, umat Islam pada masa ini ditindas, dihina, dianiaya dan ditekan disebabkan mereka lemah.

Beliau berkata, umat Islam lemah kerana mereka gagal menghayati ajaran 'Iqra', yang menekankan tentang penguasaan ilmu.

Dr. Mahathir berkata, ajaran al-Quran telah diberi tafsiran, yang salah sehingga umat Islam gagal menguasai ilmu.

"Umat Islam tidak mampu membina senjata moden untuk mempertahankan diri, kerana mereka telah berkurun-kurun mengabaikan, malahan menolak ilmu sains dan matematik, yang dianggap sebagai ilmu sekular," katanya.

Umat Islam kata beliau, hanya diajar untuk menuntut ilmu agama jika mahu menjadi Muslim yang baik dan dihormati.

"Walaupun umat Islam boleh membeli senjata daripada pengkritik mereka, tetapi mereka tidak akan menjual senjata yang mampu mempertahankan umat Islam daripada serangan musuh mereka," katanya.

Menurutnya, umat Islam pernah menjadi umat yang kuat dan maju kerana mereka menghayati ajaran 'Iqra', tentang tanggungjawab menguasai ilmu pengetahuan.